

Tarikh : _____

Hari: _____

Tajuk: **Faedah menjaga kebersihan**

Pilih jawapan yang disediakan di dalam kurungan dan isikan tempat-tempat kosong dengan jawapan yang betul.

Menjaga kebersihan merupakan satu 1) _____ (aktiviti, amalan) yang penting dalam kehidupan kita. Lazimnya, 2) _____ (kekotoran, kebersihan) perlu disemai sejak dari 3) _____ (kecil, dewasa). Oleh itu, ibu bapalah yang memainkan 4) _____ (watak, peranan) yang penting dalam mengasuh anak-anak untuk menjaga kebersihan sama ada kebersihan diri atau kebersihan alam 5) _____ (sekitar, dunia).

Dengan menjaga kebersihan tubuh 6) _____ (jasad, badan), kesihatan kita akan terjamin. Kita tidak akan 7) _____ (susah, mudah) mendapat penyakit dan dapat mengelakkan penyakit dari 8) _____ (merawat, merebak) terhadap orang lain. Penyakit-penyakit berjangkit dapat dihindari sekiranya kita sentiasa 9) _____ (mengekal, mengurangkan) kebersihan.

Di samping itu, suasana bersih juga akan membentuk 10) _____ (otak, kaki) yang cergas dan badan yang sihat. Dengan adanya badan yang 11) _____ (sakit, sihat), kita bebas daripada sebarang penyakit. 12) _____ (Guru, Pelajar) mudah belajar dan memahami sesuatu pelajaran yang diajar oleh guru, jadi, lebih mudah untuk mencapai

13) _____ (kejayaan, kegagalan) yang cemerlang. Badan kita yang cerdas membolehkan kita

14) _____ (lemah, aktif) dalam pelbagai lapangan terutama dalam arena sukan.

Selain itu, menjaga kebersihan tempat 15) _____ (tinggal, duduk) mahupun alam persekitaran juga akan membuatkan sejuk 16) _____ (mulut, mata) memandang. Kita dapat menghindarkan serangan nyamuk, lalat dan perosak-perosak lain. Kehidupan kita sentiasa akan selesa tanpa sebarang 17) _____ (gangguan, ketenteraman). Mengamalkan kebersihan haruslah dilaksanakan setiap 18) _____ (tahun, masa) supaya terhindar daripada sebarang penyakit.

Justeru itu, kita mestilah menjaga kebersihan kerana ia banyak mendatangkan 19) _____ (keburukan, faedah) kepada diri kita, keluarga dan alam sekitar kita. Oleh itu, kita mestilah mengamalkan menjaga kebersihan. Kita mestilah mempraktikkan cogan kata "Negara 20) _____ (Kotor, Bersih) Rakyat Sihat, Badan Sihat otak cergas."